



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN

**GARIS PANDUAN
PENGUNAAN GELARAN
PAKAR PERGIGIAN PERUNDING
PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**2025
(Edisi Ketiga)**

ISI KANDUNGAN

TUJUAN	1
LATAR BELAKANG PENGGUNAAN GELARAN PAKAR PERUNDING	1
TAFSIRAN	3
TATACARA PENGIKTIRAFAN PAKAR PERGIGIAN PERUNDING PKP KKM	3
KRITERIA PENGIKTIRAFAN PAKAR PERGIGIAN PERUNDING (KESIHATAN AWAM PERGIGIAN) PKP KKM	7
KRITERIA PENGIKTIRAFAN PAKAR PERGIGIAN PERUNDING KEPAKARAN KLINIKAL PKP KKM	8
SYOR PENGGUNAAN GELARAN PAKAR PERGIGIAN PERUNDING	9
PEMAKAIAN	9
PELAKSANAAN	9
LAMPIRAN A	10
CARTA ALIR PERMOHONAN PENGGUNAAN GELARAN PAKAR PERGIGIAN PERUNDING PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN KKM	
LAMPIRAN B	11
SENARAI SEMAK BAGI PERMOHONAN MENGGUNAKAN GELARAN PAKAR PERGIGIAN PERUNDING PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN KKM	
LAMPIRAN I	12
JAWATANKUASA LANTIKAN PAKAR PERGIGIAN PERUNDING (JL PPP) PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN KKM	12
LAMPIRAN II	13
JAWATANKUASA PENILAIAN PAKAR PERGIGIAN PERUNDING (JKP PPP) PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN KKM	13
LAMPIRAN III	14
BORANG PERMOHONAN PENGGUNAAN GELARAN PAKAR PERGIGIAN PERUNDING PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN KKM	
LAMPIRAN IV	17
BUTIR-BUTIR PERIBADI DAN PERKHIDMATAN PEGAWAI	

LAMPIRAN V	23
SKALA PEMARKAHAN, WAJARAN DAN PENGIRAAN MARKAH SEBENAR BAGI PENILAIAN PENGIKTIRAFAN PAKAR PERGIGIAN PERUNDING PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN KKM	
LAMPIRAN VI (A)	24
BORANG MAKLUMAT PENGLIBATAN BAGI PERMOHONAN PENGGUNAAN GELARAN PAKAR PERGIGIAN PERUNDING (KESIHATAN AWAM PERGIGIAN) PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN KKM	24
LAMPIRAN VI (B)	29
BORANG PENILAIAN PENGIKTIRAFAN PAKAR PERGIGIAN PERUNDING (KESIHATAN AWAM PERGIGIAN) PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN KKM	29
LAMPIRAN VII (A)	31
BORANG MAKLUMAT PENGLIBATAN BAGI PERMOHONAN PENGGUNAAN GELARAN PAKAR PERGIGIAN PERUNDING (BIDANG KEPAKARAN KLINIKAL) PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN KKM	31
LAMPIRAN VII (B)	36
BORANG PENILAIAN PENGIKTIRAFAN PAKAR PERGIGIAN PERUNDING (BIDANG KEPAKARAN KLINIKAL) PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN KKM	36
LAMPIRAN VIII	38
RUMUSAN PENILAIAN PENGIKTIRAFAN PAKAR PERGIGIAN PERUNDING PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN KKM	38
PENGHARGAAN JAWATANKUASA KERJA	39
RUJUKAN	41

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN GELARAN PAKAR PERGIGIAN PERUNDING PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (PKP KKM)

TUJUAN

1. Garis Panduan Penggunaan Gelaran Pakar Pergigian Perunding PKP KKM telah dikeluarkan pada 15 April 2024 untuk pelaksanaan bagi memperincikan tafsiran Pakar Pergigian Perunding serta tatacara pelantikan Pakar Pergigian sebagai Pakar Pergigian Perunding di Kementerian Kesihatan Malaysia. Dokumen ini diwujudkan untuk menyelaraskan pemberian gelaran Pakar Pergigian Perunding kepada pakar pergigian di bawah PKP KKM.
 - 1.1 Penambahbaikan garis panduan ini adalah berdasarkan maklum balas daripada Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian dan Lantikan Pakar Pergigian Perunding Kementerian Kesihatan Malaysia Bil. 1 Tahun 2024 yang diadakan pada 11 Oktober 2024 serta dua (2) dokumen berkaitan seperti berikut:
 - 1.1.1 Surat Edaran Ketua Setiausaha KKM bertajuk **Pemakluman Mengenai Kelulusan Pindaan Gelaran Jawatan (*Nomenclature*) Pengarah Kanan Bagi Program Kesihatan Pergigian**, Program Perkhidmatan Farmasi Dan Program Keselamatan Dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia pada 11 September 2024 (Surat dengan no. rujukan: KKM.500-1/1/65(5) adalah berkaitan).
 - 1.1.2 Surat Edaran Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Pergigian) bertajuk **Penyelarasan Gelaran Rasmi Pakar Pergigian Program Kesihatan Pergigian Kementerian Kesihatan Malaysia** bertarikh 7 Februari 2025 (Surat dengan no. rujukan: KKM.600-33/1/1 Jld 8(22) adalah berkaitan).

LATAR BELAKANG PENGGUNAAN GELARAN PAKAR PERUNDING

2. Penggunaan gelaran pakar perunding merupakan satu kaedah untuk memberi pengiktirafan kepada pakar-pakar yang berkebolehan dan berkemahiran tinggi.
 - 2.1 Penggunaan gelaran Pakar Perubatan Perunding dilaksanakan di Program Perubatan dan Kesihatan Awam KKM berpandukan dokumen berikut:
 - i. Surat Pekeliling KPK Bil. 24 Tahun 2022: Garis Panduan Penggunaan Gelaran Pakar Perubatan Perunding bertarikh 22 November 2022

- ii. Surat Edaran KPK bertajuk **Garis Panduan Penggunaan Gelaran Pakar Perubatan Perunding di Program Kesihatan Awam** bertarikh 16 Januari 2023

2.2 Penggunaan gelaran Pakar Pergigian Perunding dilaksanakan di Program Kesihatan Pergigian KKM berpandukan **Garis Panduan Gelaran Pakar Pergigian Perunding di Program Kesihatan Pergigian Kementerian Kesihatan Malaysia** bermula 15 April 2024 (Surat edaran Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia dengan nombor rujukan: KKM.600-20/2/1 Jld 9(61) bertarikh 15 April 2024 adalah berkaitan).

3. PKP KKM mempunyai sembilan (9) bidang kepakaran pergigian, iaitu lima (5) kepakaran *Hospital Based* (HB) dan empat (4) kepakaran *Non-Hospital Based* (NHB). Kepakaran HB terdiri daripada bidang Bedah Mulut dan Maksilofasial, Pergigian Pediatrik, Patologi Mulut dan Perubatan Mulut, Pergigian Penjagaan Khas dan Pergigian Forensik yang berkhidmat di hospital, hospital khas dan institusi KKM. Manakala kepakaran pergigian NHB iaitu Periodontik, Ortodontik, Pergigian Restoratif dan Kesihatan Awam Pergigian berkhidmat di Pusat Pakar Pergigian, Klinik Pakar Pergigian, Klinik Pergigian, Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah, Jabatan Kesihatan Negeri/ Wilayah Persekutuan dan Ibu Pejabat KKM.
4. Gelaran Pakar Pergigian Perunding merupakan suatu pengiktirafan yang diberikan kepada pakar pergigian yang berupaya:
 - 4.1 menjadi contoh kepada semua anggota pergigian dan mempunyai pengalaman yang luas dan kemahiran klinikal atau teknikal yang tinggi.
 - 4.2 mempunyai kebolehan memimpin serta melaksanakan tadbir urus klinikal dengan baik.
 - 4.3 memainkan peranan penting dalam pengoperasian sesuatu jabatan khususnya dalam memberi bimbingan dan khidmat perundingan dalam bidang kepakaran masing-masing.
 - 4.4 mempunyai kualiti amalan pergigian yang baik, merangkumi elemen seperti integriti profesional, tingkah laku yang beretika, kemahiran berkomunikasi, menjaga kehormatan pelanggan, kerja berpasukan, berkredibiliti dan inovatif; sebagaimana digariskan oleh Majlis Pergigian Malaysia (Sumber Rujukan: *Code of Professional Conduct, Malaysian Dental Council, July 2022*; Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 (Pindaan) 2015 dan pekeliling lain yang berkaitan dan berkuat kuasa.

TAFSIRAN

5. Pakar Pergigian Pra-warta atau *Pre-gazettement Dental Specialist* bermaksud seorang pegawai pergigian yang memperoleh kelayakan kepakaran pergigian yang diiktiraf serta sedang menjalani proses pewartaan.
6. Pakar Pergigian atau *Dental Specialist* bermaksud seorang pegawai pergigian yang memperoleh kelayakan kepakaran pergigian yang diiktiraf serta telah dilantik dan diwartakan sebagai Pakar Pergigian oleh Ketua Pengarah Kesihatan.
7. Pakar Pergigian Perunding atau *Dental Consultant* bermaksud:
 - i. Seorang pakar pergigian yang berada pada Gred Khas atau Gred Utama C **atau**
 - ii. Mana-mana pakar pergigian yang telah diwartakan sebagai pakar pergigian untuk tempoh 10 tahun dan ke atas serta diperaku lantikan **atau**
 - iii. Mana-mana pakar pergigian yang dilantik sebagai pakar pergigian perunding oleh Ketua Pengarah Kesihatan.
8. Pakar Pergigian Perunding (Kanan) atau *Senior Dental Consultant* bermaksud seorang pakar pergigian yang berada pada Gred Khas atau Gred Utama B dan ke atas.
9. Ketua Jabatan bermaksud Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Pergigian)/ Pengarah Bahagian/ Pengarah Kesihatan Negeri/ Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian)/ Pengarah Institusi/ Pengarah Hospital atau gelaran yang seumpama dengannya.

TATACARA PENGIKTIRAFAN PAKAR PERGIGIAN PERUNDING PKP KKM

10. Semua Pakar Pergigian yang telah diwartakan selama 10 tahun dan ke atas boleh dipertimbangkan untuk diiktiraf sebagai Pakar Pergigian Perunding.
11. Pakar Pergigian yang telah menerima gelaran Pakar Pergigian Perunding daripada agensi lain sebelum garis panduan ini berkuatkuasa, perlu menghantar permohonan mengikut prosedur dalam garis panduan ini untuk pengiktirafan secara rasmi oleh PKP KKM.
12. Lantikan Pakar Pergigian Perunding hendaklah dilakukan oleh Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Pergigian) setelah dinilai dan diperakukan oleh Jawatankuasa Lantikan Pakar Pergigian Perunding (JL PPP) yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Pergigian) KKM (**Lampiran I**).

13. Dalam konteks pengiktirafan Pakar Pergigian Perunding, jawatankuasa yang bertanggungjawab adalah seperti berikut:

- 13.1 Jawatankuasa Penilaian Pakar Pergigian Perunding (JKP PPP) bertanggungjawab menilai Pakar Pergigian yang telah diwartakan untuk tempoh 10 tahun dan ke atas berdasarkan kepada kriteria pengiktirafan sebagai Pakar Pergigian Perunding yang telah ditetapkan.
- 13.2 JL PPP bertanggungjawab memperakukan Pakar Pergigian yang telah dinilai untuk dilantik sebagai Pakar Pergigian Perunding.
- 13.3 Perlantikan JKP PPP dan JL PPP adalah berdasarkan jawatan yang disandang.

14. Proses Penilaian dan Lantikan:

14.1 Proses penilaian dilakukan oleh Jawatankuasa Penilaian Pakar Pergigian Perunding (JKP PPP) yang terdiri daripada keahlian seperti berikut **(Lampiran II)**:

- i. Pengerusi adalah Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Kesihatan Pergigian PKP KKM, yang boleh diganti oleh Pengarah Bahagian Penjagaan Kesihatan Pergigian PKP KKM atau Pengarah Bahagian Amalan dan Perkembangan Kesihatan Pergigian PKP KKM apabila perlu.
- ii. Sekurang-kurangnya tiga (3) ahli yang dilantik oleh Pengerusi JL PPP adalah terdiri daripada kalangan Pakar Pergigian Perunding.
- iii. Daripada tiga (3) ahli yang dilantik di (ii), sekurang-kurangnya dua (2) adalah dari bidang kepakaran yang sama dan ahli ketiga boleh dari bidang kepakaran yang berbeza dengan pakar pergigian yang dinilai.

14.2 Sekiranya syarat-syarat di atas tidak dapat dipenuhi, Pengerusi JL PPP boleh melantik ahli JKP PPP daripada kalangan ahli JL PPP.

14.3 JKP PPP dan JL PPP akan bermesyuarat sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun.

14.4 Pakar Pergigian yang dinilai perlu mengemukakan dokumen lengkap yang telah dikemaskini melalui Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) [TPKN(G)]/ Ketua Jabatan kepada JKP PPP menggunakan borang-borang seperti berikut:

- i. Borang Permohonan Penggunaan Gelaran Pakar Pergigian Perunding Program Kesihatan Pergigian KKM **(Lampiran III)**
- ii. Butir-Butir Peribadi dan Perkhidmatan Pegawai **(Lampiran IV)**
- iii. Borang Maklumat Penglibatan bagi Permohonan Penggunaan Gelaran Pakar Pergigian Perunding (Kesihatan Awam Pergigian) Program Kesihatan Pergigian KKM **[Lampiran VI(A)] ATAU** Borang

Maklumat Penglibatan bagi Permohonan Penggunaan Gelaran Pakar Pergigian Perunding (Bidang Kepakaran Klinikal) Program Kesihatan Pergigian KKM [**Lampiran VII(A)**].

- 14.5 Ahli JKP PPP perlu menilai Pakar Pergigian dengan memberi markah bagi setiap kriteria yang telah ditetapkan menggunakan dokumen seperti berikut:
- i. Skala Pemarkahan, Wajaran dan Pengiraan Markah Sebenar Bagi Penilaian Pengiktirafan Pakar Pergigian Perunding Program Kesihatan Pergigian KKM (**Lampiran V**)
 - ii. Borang Penilaian Pengiktirafan Pakar Pergigian Perunding (Kesihatan Awam Pergigian) Program Kesihatan Pergigian KKM [**Lampiran VI(B)**] **ATAU** Borang Penilaian Pengiktirafan Pakar Pergigian Perunding (Bidang Kepakaran Klinikal) Program Kesihatan Pergigian KKM [**Lampiran VII(B)**]
- 14.6 Ahli JKP PPP boleh mendapatkan maklum balas daripada anggota-anggota lain dalam jabatan berkenaan, Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) dan Ketua Kepakaran peringkat Kementerian atau negeri sekiranya perlu.
- 14.7 Ahli JKP PPP boleh menjalankan temuduga dengan Pakar Pergigian yang dinilai sekiranya perlu.
- 14.8 Rumusan perakuan dan syor dibuat berdasarkan markah purata yang diperolehi dari ahli JKP PPP serta hasil dapatan maklum balas atau temuduga jika berkaitan menggunakan borang Rumusan Penilaian Pengiktirafan Pakar Pergigian Perunding Program Kesihatan Pergigian KKM (**Lampiran VIII**).
15. Ahli JKP PPP perlu menjalankan penilaian secara telus dan tanpa prejudis terhadap Pakar Pergigian yang dinilai. Sebarang konflik berkepentingan (*conflict of interest*), perlu diisytihar kepada Pengerusi JL PPP untuk pertimbangan lanjut.
16. Surat Kelulusan Menggunakan Gelaran Pakar Pergigian Perunding Program Kesihatan Pergigian KKM atau Surat Makluman Permohonan Menggunakan Gelaran Pakar Pergigian Perunding Tidak Dipertimbangkan Program Kesihatan Pergigian KKM akan dikeluarkan oleh Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Pergigian) setelah beliau berpuas hati bahawa penilaian dan lantikan telah dijalankan mengikut tatacara yang telah ditetapkan.
17. Pakar Pergigian yang dilantik perlu melaksanakan tugas dan fungsi sebagai Pakar Pergigian Perunding.
18. Ketua Jabatan boleh menentukan sama ada Pakar Pergigian Perunding akan menjalankan Tugas Atas Panggilan sebagai Pakar Pergigian atau Pakar

Pergigian Perunding, bergantung kepada kemampuan sumber manusia di jabatan masing-masing.

19. Kelulusan menggunakan gelaran Pakar Pergigian Perunding ini diberikan sebagai suatu pengiktirafan dan tanpa sebarang implikasi kewangan.
20. Pakar Pergigian yang telah diluluskan untuk penggunaan gelaran Pakar Pergigian Perunding mengikut Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bilangan 24 Tahun 2022: Garis Panduan Penggunaan Gelaran Pakar Perubatan Perunding, bertarikh 22 November 2022, oleh “Jawatankuasa yang Melantik” dari program lain seperti berikut, **perlu dinilai semula** menggunakan garis panduan ini:
 - i. Jawatankuasa Penasihat Perubatan dan Pergigian atau *Medical and Dental Advisory Committee* (MDAC)
 - ii. Jawatankuasa Lantikan Pakar Perubatan Perunding (Program Kesihatan Awam)
 - iii. Jawatankuasa Lantikan Pakar Perubatan Perunding (Program Penyelidikan & Sokongan Teknikal) dan lain-lain yang seumpamanya
21. Bagi permohonan yang tidak disokong, Ketua Jabatan dikehendaki memberi ulasan dan mengemukakan laporan SULIT dokumen berikut sebagai bukti kepada Setiausaha Kerja, Jawatankuasa Lantikan Pakar Pergigian Perunding (JL PPP):
 - i. Laporan naratif; dan
 - ii. Dokumen sokongan

KRITERIA PENGIKTIRAFAN PAKAR PERGIGIAN PERUNDING (KESIHATAN AWAM PERGIGIAN) PKP KKM

22. Kriteria bagi pengiktirafan Pakar Pergigian Perunding (Kesihatan Awam Pergigian) adalah seperti berikut:

- 22.1 **Berupaya mengendalikan aktiviti** kesihatan awam pergigian yang kompleks seperti kawalan/ pencegahan/ wabak/ krisis kesihatan awam pergigian/ masalah isu kesihatan awam pergigian, sama ada yang berkaitan kawalan penyakit berjangkit/ penyakit tidak berjangkit/ kesihatan keluarga/ kesihatan pekerjaan/ kesihatan persekitaran/ “*clinical governance*” kesihatan awam pergigian.
- 22.2 **Berupaya membuat keputusan** dengan baik dan pantas semasa mengendalikan masalah kesihatan awam pergigian yang kritikal atau yang memerlukan intervensi segera (*urgent & critical cases*).
- 22.3 **Berupaya memberi khidmat nasihat perunding** kepada Pakar Pergigian/ Perubatan bagi pengendalian masalah kesihatan awam pergigian yang kompleks.
- 22.4 **Berupaya mengendali dan menyelaras** dengan baik masalah kesihatan awam pergigian yang memerlukan penglibatan **pelbagai disiplin** (*multidisciplinary cases*).
- 22.5 **Berupaya memberi latihan** yang berkesan kepada Pakar Pergigian/Perubatan Prawarta, Pakar Pergigian/Perubatan, Pegawai Pergigian/Perubatan, Pegawai Pergigian/Perubatan Siswazah, Juruterapi Pergigian/Jururawat Perubatan dan lain-lain anggota pergigian/perubatan dalam aspek “*clinical governance*” kesihatan awam pergigian.
- 22.6 **Mempunyai kemahiran komunikasi** yang baik dengan semua **anggota dalam jabatan** dan juga jabatan lain serta boleh bekerjasama dengan pelbagai pihak sebagai satu pasukan (*team player and not work in isolation*).
- 22.7 **Mempunyai kemahiran komunikasi yang baik dengan pesakit, ahli keluarga, komuniti, pemimpin masyarakat** dan lain-lain kategori pelanggan khususnya dalam memberi khidmat nasihat runding dalam hal-hal berkait dengan “*clinical governance*” kesihatan awam pergigian.
- 22.8 Mempunyai kemahiran serta penglibatan yang memuaskan dalam **tadbir urus klinikal** termasuk mempunyai pengetahuan yang mencukupi mengenai polisi, operasi *standard*, garis panduan, pengurusan data klinikal serta inisiatif kualiti.
- 22.9 **Berupaya bertindak sebagai pengantara** atau mempunyai **kualiti kepimpinan** kesihatan awam pergigian yang baik khususnya semasa berdepan dengan krisis dalam jabatan atau antara jabatan atau semasa berdepan dengan situasi luar jangka seperti bencana, wabak dan sebagainya.
- 22.10 **Mempunyai pengetahuan dan kemahiran** kesihatan awam pergigian yang sentiasa dikemaskini berdasarkan kepada bukti saintifik yang terkini **atau**

sering dijemput sebagai panel pakar/ hakim/ *speaker*/ pembentang dalam persidangan, mesyuarat saintifik atau seminar di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.

- 22.11 **Secara keseluruhannya** anggota mempunyai **sikap, kepakaran, sumbangan dan pengalaman, penglibatan** dan pendedahan, pengiktirafan dan anugerah serta sumbangan di luar tugas rasmi yang cemerlang.

KRITERIA PENGIKTIRAFAN PAKAR PERGIGIAN PERUNDING KEPAKARAN KLINIKAL PKP KKM

23. Kriteria bagi pengiktirafan Pakar Pergigian Perunding bagi kepakaran klinikal adalah seperti berikut:

- 23.1 **Berupaya mengendalikan** kes-kes kompleks.
- 23.2 **Berupaya membuat keputusan** dengan baik dan pantas semasa mengendalikan kes-kes kritikal atau yang memerlukan intervensi segera (*urgent & critical cases*).
- 23.3 **Berupaya memberi khidmat nasihat perunding** kepada Pakar Pergigian/ Perubatan bagi pengendalian kes khususnya kes kompleks.
- 23.4 **Berupaya mengendali** dan menyelaraskan dengan baik kes yang memerlukan penglibatan **pelbagai disiplin** (*multidisciplinary cases*).
- 23.5 **Berupaya memberi latihan yang berkesan** kepada Pakar Pergigian/Perubatan Prawarta, Pakar Pergigian/Perubatan, Pegawai Pergigian/Perubatan, Pegawai Pergigian/Perubatan Siswazah, Juruterapi Pergigian/Jururawat Perubatan dan lain-lain anggota pergigian/perubatan dalam aspek pengurusan klinikal pesakit.
- 23.6 Mempunyai **kemahiran komunikasi** yang baik dengan semua **anggota dalam jabatan** dan juga jabatan lain serta boleh bekerjasama dengan pelbagai pihak sebagai satu pasukan (*team player and not work in isolation*).
- 23.7 Mempunyai **kemahiran komunikasi** yang baik **dengan pesakit, ahli keluarga** dan lain-lain kategori pelanggan khususnya dalam memberi khidmat nasihat perunding dalam hal-hal berkaitan dengan pengurusan klinikal pesakit.
- 23.8 Mempunyai kemahiran serta penglibatan yang memuaskan dalam **tadbir urus klinikal** termasuk mempunyai pengetahuan yang mencukupi mengenai polisi, operasi *standard*, garis panduan amalan klinikal, pengurusan data klinikal serta inisiatif kualiti.
- 23.9 **Berupaya bertindak sebagai pengantara** atau mempunyai kualiti kepimpinan klinikal (*clinical leadership*) yang baik khususnya semasa berdepan dengan krisis dalam jabatan atau antara jabatan atau semasa berdepan dengan situasi luar jangka seperti bencana, wabak dan sebagainya.

- 23.10 Mempunyai **pengetahuan dan kemahiran klinikal yang sentiasa dikemaskini** berdasarkan kepada bukti saintifik yang terkini atau sering dijemput sebagai panel pakar/ hakim/ *speaker*/ pembentang dalam persidangan, mesyuarat saintifik atau seminar di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.
- 23.11 **Secara keseluruhannya ilmu** anggota mempunyai sikap, kepakaran, sumbangan dan pengalaman, penglibatan dan pendedahan, pengiktirafan dan anugerah serta sumbangan di luar tugas rasmi yang cemerlang.

SYOR PENGGUNAAN GELARAN PAKAR PERGIGIAN PERUNDING

24. Markah minimum untuk syor penggunaan gelaran Pakar Pergigian Perunding adalah 85 peratus.


PEMAKAIAN

25. Pakar Pergigian yang telah diwartakan selama 10 tahun dan ke atas oleh Kerajaan Malaysia.
26. Ringkasan pelaksanaan permohonan penggunaan gelaran Pakar Pergigian Perunding Program Kesihatan Pergigian adalah seperti di Carta Alir Permohonan Penggunaan Gelaran Pakar Pergigian Perunding Program Kesihatan Pergigian KKM (**Lampiran A**).
27. Pemohon perlu mengemukakan semua dokumen permohonan lengkap beserta **Borang Senarai Semak Bagi Permohonan Menggunakan Gelaran Pakar Pergigian Perunding Program Kesihatan Pergigian KKM (Lampiran B)**.

PELAKSANAAN

28. Garis Panduan ini berkuatkuasa dari tarikh surat Garis Panduan Penggunaan Gelaran Pakar Pergigian Perunding di Program Kesihatan Pergigian dikeluarkan.

CARTA ALIR PERMOHONAN PENGGUNAAN GELARAN PAKAR PERGIGIAN PERUNDING PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN KKM



CPPKP: Cawangan Perkembangan Profesion Kesihatan Pergigian
TKPK (KP): Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Pergigian)

LAMPIRAN B

**SENARAI SEMAK BAGI PERMOHONAN MENGGUNAKAN GELARAN PAKAR
PERGIGIAN PERUNDING PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN KKM**

NO.	NAMA BORANG	BILANGAN SALINAN	Tanda "✓" dokumen yang dihantar
1.	Borang Permohonan Penggunaan Gelaran Pakar Pergigian Perunding Program Kesihatan Pergigian KKM (Lampiran III).	- 3 Salinan asal	☐
2.	Butir-Butir Peribadi dan Perkhidmatan Pegawai (Lampiran IV).	- 3 Salinan asal	☐
3.	Borang Maklumat Penglibatan bagi Permohonan Penggunaan Gelaran: i) Pakar Pergigian Perunding (Kesihatan Awam Pergigian) Program Kesihatan Pergigian KKM (Lampiran VI(A)). ATAU ii) Pakar Pergigian Perunding (Bidang Kepakaran Klinikal) Program Kesihatan Pergigian KKM (Lampiran VII(A)).	- 3 Salinan asal	☐
4.	Lengkapkan maklumat pemohon berikut pada Borang Penilaian Pengiktirafan Pakar Pergigian Perunding di Lampiran VI(B) atau Lampiran VII(B) dan Borang Rumusan Penilaian di Lampiran VIII : Nama Pegawai: No. Kad Pengenalan: MDC No.: MDC Specialist No.: Bidang Kepakaran: Bidang Subkepakaran (jika berkaitan): Bidang Area of Special Interest (jika berkaitan): Bidang Advanced Competency Programme (jika berkaitan): Tarikh Warta Pakar: Tempoh Sejak Warta Pakar sehingga tarikh permohonan dibuat:	- 3 Salinan asal	☐
5.	Surat iringan pejabat Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian)/Ketua Jabatan berkenaan.	- 1 Surat Asal	☐
UNTUK KEGUNAAN DAN TINDAKAN URUSETIA: Semakan mendapati dokumen yang dikemukakan adalah Lengkap/Tidak Lengkap ** (Nota: ** Sila potong salah satu) (Nama, Cop & Tandatangan)		-	I. Tarikh dokumen diterima: II. Tarikh semakan dokumen: III. Tarikh dokumen lengkap diterima:

**JAWATANKUASA LANTIKAN PAKAR PERGIGIAN PERUNDING (JL PPP)
PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN KKM**

Pengerusi:

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Pergigian)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Setiausaha Kerja:

Timbalan Pengarah
Cawangan Perkembangan Profesion Kesihatan Pergigian
Program Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia (PKP KKM)

Ahli Jawatankuasa:

1. Pengarah, Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Kesihatan Pergigian, PKP KKM
2. Pengarah, Bahagian Penjagaan Kesihatan Pergigian, PKP KKM
3. Pengarah, Bahagian Amalan dan Perkembangan Kesihatan Pergigian, PKP KKM
4. Ketua Kepakaran Bedah Mulut dan Maksilofasial KKM
5. Ketua Kepakaran Pergigian Pediatrik KKM
6. Ketua Kepakaran Patologi Mulut dan Perubatan Mulut KKM
7. Ketua Kepakaran Pergigian Penjagaan Khas KKM
8. Ketua Kepakaran Pergigian Forensik KKM
9. Ketua Kepakaran Ortodontik KKM
10. Ketua Kepakaran Periodontik KKM
11. Ketua Kepakaran Pergigian Restoratif KKM
12. Ketua Kepakaran Kesihatan Awam Pergigian KKM
13. Timbalan Pengarah, Cawangan Penjagaan Kesihatan Pergigian Kepakaran, PKP KKM

Tugas Utama JL PPP adalah:

1. Memperakukan syor yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Penilaian Pakar Pergigian Perunding (JKP PPP).
2. Memperakukan Pakar Pergigian yang dinilai sebagai Pakar Pergigian Perunding.

Nota:

- i. Lantikan adalah berdasarkan jawatan dan sebarang perubahan tertakluk kepada individu yang memegang jawatan tersebut.
- ii. Mesyuarat JL PPP bersidang sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun.

LAMPIRAN II

JAWATANKUASA PENILAIAN PAKAR PERGIGIAN PERUNDING (JKP PPP) PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN KKM

Pengerusi:

Pengarah, Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Kesihatan Pergigian, PKP KKM

Sekiranya Pengarah, Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Kesihatan Pergigian tidak dapat hadir, beliau boleh digantikan oleh:

- i. Pengarah, Bahagian Penjagaan Kesihatan Pergigian, PKP KKM atau
- ii. Pengarah, Bahagian Amalan dan Perkembangan Kesihatan Pergigian, PKP KKM

Ahli Jawatankuasa:

1. Ketua Kepakaran KKM (Bidang kepakaran berkenaan)
2. Pakar Pergigian Perunding (Bidang kepakaran berkenaan)
3. Pakar Pergigian Perunding (Bidang kepakaran berkenaan/ Bidang kepakaran berlainan/ Dipilih daripada ahli Jawatankuasa Lantikan Pakar Pergigian Perunding (JL PPP) oleh Pengerusi JL PPP)

Tugas Utama JKP PPP adalah:

1. Menerima Borang Permohonan Penggunaan Gelaran Pakar Pergigian Perunding Program Kesihatan Pergigian KKM (**Lampiran III**) dan Butir-Butir Peribadi Dan Perkhidmatan Pegawai (**Lampiran IV**) Pakar Pergigian yang dinilai, dalam tempoh sekurang-kurangnya 30 hari sebelum tarikh Mesyuarat JKP PPP.
2. Menilai permohonan Pakar Pergigian yang telah diwartakan dalam tempoh lebih sepuluh (10) tahun berdasarkan kepada kriteria pengiktirafan sebagai Pakar Pergigian Perunding yang telah ditetapkan.
3. Membuat rumusan penilaian dan mengesyorkan sama ada pemohon layak/tidak layak diperakukan sebagai Pakar Pergigian Perunding.

Nota:

- i. Lantikan ini adalah berkuatkuasa selama tempoh dua (2) tahun dari tarikh lantikan.
- ii. Mesyuarat JKP PPP bersidang sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun.

LAMPIRAN III**BORANG PERMOHONAN PENGGUNAAN GELARAN PAKAR
PERGIGIAN PERUNDING PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN
KKM**

(Diisi oleh pemohon. Sila taip)

Gambar
Terkini**BIDANG KEPAKARAN:** _____**A. BUTIRAN PERIBADI**

Nama :

Tarikh Lantikan
Pertama :

Taraf Lantikan :

Jawatan Hakiki :

Gred Hakiki :

Alamat Lengkap
Tempat Bertugas :No. Telefon
Pejabat :No. Telefon
Bimbit :

Alamat E-mel :

MDC No.

MDC
Specialist No. :**B. KELAYAKAN PROFESIONAL**

	Kelulusan	Institusi	Tahun Kelulusan
1.	_____	_____	_____
2.	_____	_____	_____
3.	_____	_____	_____
4.	_____	_____	_____

C. PENGALAMAN KERJA

1. Tempoh pengalaman selepas diwartakan sebagai Pakar Pergigian:

Dari _____ hingga _____

Butiran mengenai pengalaman selepas diwartakan sebagai Pakar Pergigian:

	Tempat Bertugas		Tarikh
1.	_____	dari _____	hingga _____
2.	_____	dari _____	hingga _____
3.	_____	dari _____	hingga _____
4.	_____	dari _____	hingga _____
5.	_____	dari _____	hingga _____

D. PERAKUAN PEMOHON

Saya mengaku bahawa segala maklumat di atas adalah benar. Bersama ini disertakan salinan BUTIR-BUTIR PERIBADI DAN PERKHIDMATAN AWAM (**Lampiran IV**) yang telah dikemaskini.

Tandatangan Pemohon : _____

Nama : _____

No. Kad Pengenalan : _____

Tarikh : _____

E.

PERAKUAN PENGARAH KESIHATAN NEGERI/TIMBALAN PENGARAH KESIHATAN NEGERI (PERGIGIAN) / PENGARAH BAHAGIAN / PENGARAH INSTITUSI / PENGARAH HOSPITAL/KETUA JABATAN BERKAITAN

Saya bersetuju / tidak bersetuju** (*Sila potong yang tidak berkenaan*) untuk permohonan ini dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian Pakar Pergigian Perunding di Program Kesihatan Pergigian.

Sekiranya tidak bersetuju, mohon beri ulasan dan hantar laporan SULIT berikut kepada Setiausaha Kerja, Jawatankuasa Lantikan Pakar Pergigian Perunding (JL PPP):

- i. Laporan naratif; dan
- ii. Dokumen sokongan

Ulasan: _____

Tandatangan : _____
Nama : _____
No. Kad Pengenalan : _____
Tarikh : _____



BUTIR-BUTIR PERIBADI DAN PERKHIDMATAN PEGAWAI

**GAMBAR
TERKINI
PEGAWAI**

A. BUTIR-BUTIR PERIBADI

1. Nama Penuh :
2. No. Kad Pengenalan :
3. Tarikh Lahir / Umur :
4. Tempat Lahir :
5. Bangsa :
6. Agama :
7. Taraf Perkahwinan :
8. Nama Pasangan :
9. Bilangan Anak :
10. Tarikh / Umur Bersara Wajib :
11. Alamat Bertugas (Bahagian / Cawangan / Unit):
12. No. Telefon Untuk Dihubungi :
13. Alamat Emel Untuk Dihubungi :

B. BUTIR-BUTIR PERKHIDMATAN (TEMPOH PERKHIDMATAN)

1. Tarikh Lantikan dalam Skim Perkhidmatan Sekarang :
2. Jawatan :
3. Gred Jawatan :
4. Tarikh Kenaikan Pangkat ke Gred Jawatan Sekarang :
5. Tarikh Warta Kepakaran (sekiranya berkaitan) :
6. Tarikh Pengisytiharan Harta (terakhir) :
7. Markah Penilaian Prestasi : (%), (%), (%)
(Tiga (3) Tahun Terakhir)
8. Ringkasan Perkhidmatan :

Tarikh	Perkara
	Pelantikan ke Gred UG41 (beserta jawatan dan penempatan)
	Pengesahan dalam perkhidmatan (beserta jawatan dan penempatan)
	Kenaikan pangkat ke Gred UG44 (beserta jawatan dan penempatan)
	Kenaikan pangkat ke Gred UG48 (beserta jawatan dan penempatan)
